

**NO. SOALAN: 60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.  
SANTIAGO**

**TARIKH : 8 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9605**

**SOALAN:**

**Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [ Klang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan jawatankuasa khas Bukit Aman untuk menyiasat kes kematian S.Balamurugan di lokap polis di IPD Klang Utara. Mengapakah Kerajaan masih belum menggantung pegawai polis yang terlibat supaya penyiasatan tidak terganggu.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian memandang serius kes-kes kematian semasa dalam tahanan pihak polis atau pihak penguatkuasa yang lain dan tidak akan sekali-kali berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai polis atau pegawai penguatkuasa yang disyaki menggunakan kekerasan sehingga menyebabkan kecederaan atau menyebabkan kematian semasa dalam tahanan. Setiap aduan berkaitan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan akan disiasat secara terperinci dan tindakan sewajarnya akan diambil sama ada dari sudut tatatertib atau mencadangkan kepada pihak pendakwaraya untuk dituduh di Mahkamah.**

**Berkaitan kes kematian Balamurugan A/L M. Suppiah di Balai Polis Klang pada 7 Februari 2016, Kementerian tidak bercadang untuk mengulas lebih lanjut kerana dikhawatiri boleh mengganggu siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak polis dan pihak Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP) bagi menentukan punca kematian. Kementerian juga tidak bercadang untuk menubuhkan jawatankuasa khas bagi menyiasat kes berkenaan. Tindakan terhadap pegawai yang terlibat akan ditentukan setelah kes berkenaan selesai disiasat oleh pihak-pihak yang terlibat.**